

## **TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN PB eDeposit Tetap (PB eFD)**

Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen PB eFD (“Kempen”) ini yang ditawarkan oleh Public Bank berhad (“PBB”) kepada para pelanggan:-

### **1. Tempoh Kempen**

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Julai 2019 hingga 30 September 2019**, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”).
- 1.2 Kempen ini boleh didapati melalui Perbankan Dalam Talian PBe (PBe).

### **2. Kelayakan**

- 2.1 Peserta-peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”) dalam Kempen ini:
  - a) Semua pelanggan PBe baharu dan sedia ada;
  - b) Pelanggan individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan yang mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA) peribadi konvensional sedia ada dan berdaftar untuk PBe [termasuk kakitangan tetap atau kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (PIBB) dan Public Investment Berhad (PIVB)];
  - c) Empunya tunggal yang mempunyai CASA konvensional sedia ada dan berdaftar untuk PBe.
- 2.2 Bukan individu iaitu perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 2.3 Peserta yang Layak mesti mendaftar dalam talian melalui PBe untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini dan memenuhi kriteria yang berikut:
  - a) Mempunyai akaun PBe sedia ada atau mendaftar akaun PBe baharu di mana-mana cawangan PBB atau ATM PBB yang berhampiran semasa Tempoh Kempen;
  - b) Mempunyai akaun PB eDeposit Tetap (“PB eFD”) sedia ada atau membuka akaun PB eFD baharu melalui PBe dengan peletakan deposit tunggal untuk amaun minimum sebanyak RM5,000 semasa Tempoh Kempen dan peletakan PB eFD mesti dibuat melalui PBe;

- c) Mempunyai CASA konvensional untuk dipilih semasa pembukaan akaun PB eFD (“CASA yang Ditetapkan”). CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada Akaun PB eFD bagi tujuan peletakan / pengeluaran / pengkreditan faedah.
- 2.4 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

### 3. Butir-butir Kempen:-

- 3.1 Produk yang Layak di bawah Kempen ini ialah PB eFD\*.

\* Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

- 3.2 Amaun peletakan yang diperlukan bagi Kempen ini adalah seperti yang berikut:

<b>Minimum</b>	RM5,000
<b>Maksimum</b>	Tiada amaun peletakan maksimum

- 3.3 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

<b>Tempoh</b>	<b>Kadar Faedah Promosi (% setahun)</b>
3 Bulan	3.15
6 Bulan	3.20
9 Bulan	3.25

- 3.4 Peletakan PB eFD adalah untuk peletakan 3 bulan, 6 bulan atau 9 bulan sahaja. Kadar faedah promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. PB eFD akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh 3 bulan, 6 bulan atau 9 bulan sahaja pada kadar kaunter semasa PBB dengan faedah PB eFD ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan apabila matang.
- 3.5 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.6 Kadar faedah promosi ini ditetapkan berdasarkan penyertaan / peletakan.

- 3.7 Apabila matang, faedah PB eFD akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan menurut peraturan pengendalian biasa PBB bagi pengkreditan faedah PB eFD kepada CASA yang Ditetapkan.
- 3.8 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang, sebahagiannya atau sepenuhnya, semasa tempoh masa berkenaan, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah (mana yang berkenaan).**
- Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan PB eFD itu diperbaharui.**
- 3.9 Pengeluaran PB eFD hanya boleh dibuat melalui PBe.
- 3.10 Apabila PB eFD dikeluarkan, amaun pokok dan faedah yang diperoleh (jika ada) akan secara automatik dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan.
- 3.11 Pengeluaran sebahagian peletakan PB eFD **tidak** dibenarkan.
- 3.12 Sekiranya terdapat perubahan Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah promosi kempen ini akan disemak.
- 3.13 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam Produk yang Layak di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf atau kemudahan atau pembiayaan lain.

#### **4. Hak PBB**

- 4.1 Tanpa prejudis terhadap peruntukan dalam Perkara 3.12 di atas dan melainkan bagi kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Perkara 3.3 di atas yang ditetapkan semasa penyertaan / peletakan tersebut, PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk terikat dengan pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

## 5. Lain-lain

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan “Terma dan Syarat PB eDeposit Tetap” yang boleh didapati dalam laman web PBB melalui [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com), yang sesalinannya telah diberi kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan “Terma dan Syarat PB eDeposit Tetap” yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini;
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.

5.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapat berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB dan rakan sekutu PBB, sila layari [www.pbebank.com.my](http://www.pbebank.com.my) atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*

Ruangan Kosong Pada Muka Surat Ini Sengaja Dibiarkan Kosong

\*\*\*\*\*